

**Kempen Bulan Bebas Denda Galak Pulang Buku Tanpa Didenda
Bernama
April 23, 2012**

KUALA LUMPUR 23 April (Bernama) -- Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) Isnin melancarkan "Kempen Bulan Bebas Denda" bagi menggalakkan peminjam memulangkan kembali buku yang telah tamat tempoh pinjaman tanpa dikenakan denda lewat pulang.

Ketua Pengarah PNM Datuk Raslin Abu Bakar berkata kempen selama sebulan itu diadakan sempena sambutan Hari Buku Sedunia yang diraikan pada 23 April setiap tahun.

"Kempen ini bertujuan mendidik masyarakat dengan amalan nilai-nilai murni seperti sifat bertanggungjawab dan amanah sekaligus meningkatkan rasa kecintaan terhadap buku serta ilmu pengetahuan yang terkandung di dalamnya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Buku Sedunia 2012 di sini, hari ini.

Raslin berkata bagi memudahkan peminjam dan manggalakkan pemulangan bahan, selain menghantar sendiri buku yang telah dipinjam ke PNM atau melalui pos, peminjam juga boleh memulangkan buku tersebut ke perpustakaan komuniti PNM di AEON Mahkota Cheras, AU2 Setiawangsa serta perpustakaan desa di seluruh negara.

Mengenai sambutan Hari Buku Sedunia 2012, Raslin berkata pelbagai aktiviti dan pengisian disusun PNM bagi mewujudkan kesedaran tentang pentingnya amalan membaca serta memberi pengiktirafan kepada penulis.

-- BERNAMA

© 2012 BERNAMA.

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=661111>